



Mh
27104105

حبيب رسول الله
صلى الله عليه وسلم

الاجنبير

SEMINAR HABIBI RASULULLAH S.A.W.

SEMPENA
SAMBUTAN MAULIDURRASUL S.A.W. 1426H
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

ANJURAN:
TAKMIR MASJID UNIVERSITI
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PADA:
HARI RABU
19 RABIULAWAL 1426H /27 APRIL 2005M

KERTAS KERJA PERTAMA:
"SIRAH RASULULLAH SAW: SUATU KAJIAN
RINTIS"

OLEH
PROF MADYA DR HJ MAHAYUDIN BIN HJ YAHAYA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Sirah Rasulullah Sallallahu `alaihi wasallam: Suatu Kajian Rintis

Oleh

Prof Madya Dr Hj Mahayudin Hj Yahaya
(Jabatan Bahasa Arab IPISHOAS, UBD.)

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله
وصحبه ومن تبعهم باحسان إلى يوم الدين وبعد...

Penulisan Sirah:

Sirah atau sejarah hidup Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam* sudah banyak direkod, ditulis dan dibukukan. Usaha ulung ke arah itu dilakukan oleh para sahabat Baginda dan seterusnya diikuti para sejarawan awal Islam yang terkenal (juga dikenali sebagai Ulama` Hadith), antaranya ialah `Urwah bin al-Zubair dan Ibn Syihab al-Zuhri, diikuti oleh Ibn Ishaq (m. 151 H./767 M.) dan kemudiannya Ibn Hisyam (m. 218 H./834 M.) yang telah menghasilkan bukunya bertajuk *al-Sirah al-Nabawiyah* atau lebih dikenali sebagai *Sirah Ibn Hisyam*. *Sirah Ibn Hisyam* boleh dianggap sebagai kitab sirah Rasulullah *sallallahu `alaihi wasallam* yang terpilih dan paling mu`tabar kerana ia mengambil secara langsung riwayat-riwayat Ibn Ishaq dengan berpandukan Qur`an dan Hadith. Di samping itu ialah *Kitab al-Maghazi* oleh al-Waqidi (m.207 H./823 M.) yang banyak menyentuh mengenai *jihad* (peperangan). Setelah itu muncul pula al-Tabari, al-Baladhuri, Ibn Sa`d, Ibn al-Athir, Ibn Kathir dan Ibn Khaldun. Mereka ini telah menghasilkan karya-karya mengenai sejarah Islam dalam bentuk umum dan menyeluruh, termasuk sirah Rasulullah *sallallahu `alaihi wasallam*.

Karya-karya ini bolehlah dikategorikan sebagai sumber kedua sirah selepas Qur`an dan Hadith. Sumber-sumber ini juga telah digunapakai secara meluas oleh para pengkaji sirah Rasulullah *sallallahu `alaihi wasallam*, termasuk golongan orientalis. Namun begitu, ramai daripada penulis Barat kurang cenderung menggunakan sumber Hadith, termasuk Goldziher, kerana kata mereka banyak Hadith ciptaan atau sudah diselewengkan, khususnya setelah berlakunya perkembangan politik pada akhir-akhir pemerintahan *Khulafa` al-Rasyidin*. Tambahan pula, kata mereka, penulisan Hadith dilakukan terlalu lewat iaitu dua abad selepas kewafatan Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam*. Dakwaan ini kurang tepat kerana menurut ulama Hadith bahawa Hadith-hadith Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wassalam* dicatat dan ditulis pada masa Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam* masih hidup (keterangan lanjut, sila lihat Mahayudin Hj Yahaya, *Penjelasan Mengenai Hadith dan Kod 19*, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, Bangi, 1986, hlm. 13-39).

Kajian dan Tafsiran Orientalis Tentang Sirah:

Para orientalis Barat telah mengkaji dan memberikan pelbagai tafsiran mengenai Sirah Rasulullah *sallallahu `alaihi wasallam* menerusi karya-karya yang mereka hasilkan dan kini dijadikan bahan rujukan dan perbandingan. Perkara ini telah diakui sendiri oleh Muhammad Husain Haykal, seorang sejarawan Muslim dari Mesir yang terkenal sebagai anti-orientalis, dengan katanya, "Mereka juga (orientalis) menggunakan bahan rujukan asli" (Muhammad Husain Haykal, *Hayat Muhammad*, Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah (cetakan ke-9), Kaherah, 1963, hlm.29). Dengan sebab itu beliau sering memetik kata-kata orientalis bagi memperkukuhkan hujah-hujahnya ketika berhadapan dengan masalah yang rumit untuk diselesaikan, dan mengkritik ketika kesalahan dan kesilapan yang mereka lakukan tentang riwayat hidup Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam*. Begitu juga sarjana-sarjana Muslim lain yang menulis tentang riwayat hidup Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wassalam* yang terkenal dengan sikap anti-orientalis termasuk Hafiz Ghulam Sarwar dalam bukunya *Muhammad the Holy Prophet* turut menyokong pendirian Muhammad Husain Haykal (lihat Hafiz Ghulam Sarwar, *Muhammad the Holy Prophet*, Muhammad Ashraf, Kashmiri

Bazar, Lahore, 1949, hlm. Xiii). Mereka berkata demikian kerana tidak semua pendapat dan pandangan orientalis bersifat negatif atau menyeleweng dari fakta sejarah atau perkara yang sebenarnya berlaku. Akan tetapi, apa yang perlu dilakukan oleh para pengkaji sirah ialah sikap berhati-hati dan berwaspada bukan sahaja terhadap penulisan orientalis tetapi juga sarjana-sarjana Muslim bagi tujuan mencapai matlamat dan objektif penulisan yang berbentuk ilmiah dan benar tentang seorang nabi utusan Allah yang menjadi ikutan terbaik (*uswah hasanah*).

Pemalsuan Fakta Dalam Sirah

Memang dapat dilihat dengan nyata dan jelas tentang beberapa kesalahan, kesilapan, kekeliruan dan penyelewengan, sama ada disengaja atau tidak disengajakan yang dilakukan oleh para orientalis mengenai tanggapan mereka terhadap agama Islam dan Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam*. Perkara ini berlaku adalah, **pertama** kerana sikap permusuhan mereka terhadap Islam dan orang Islam, **kedua**, kerana kegagalan mereka memahami ajaran Islam yang bercanggah dengan ajaran agama Kristian dan Yahudi, khususnya yang berkaitan dengan *'aqidah*, **ketiga**, kerana ketidakupayaan mereka memahami teks bahasa Arab sebagai bahasa sumber sirah, dan **keempat** kerana sengaja memalsukan fakta sejarah bagi tujuan memesongkan *'aqidah* umat Islam.

Sikap permusuhan orientalis, atau lebih khususnya dunia Barat terhadap ajaran Islam dan Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam* amat jelas dari dulu hingga sekarang. Orang Barat rata-rata adalah penganut agama Kristian dan Yahudi. Sewaktu Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam* di Madinah, Baginda telah menghadapi tentangan hebat daripada penganut agama Yahudi sehingga Baginda terpaksa menyingkir mereka dari kota Madinah. Setelah itu umat Islam menghadapi serangan tentera Salib (Kristian) lebih dari tiga abad. Ancaman dan permusuhan musuh-musuh Islam ini terus berlaku pada zaman penjajahan dan pasca penjajahan sama ada menerusi ketenteraan atau pengaruh budaya melalui media masa dan media cetak. Sebagai contoh, buku *The Satanic Verses* karangan Salman Rushdie yang mencemuh agama Islam dan

Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wassalam* telah mendapat sokongan dan sambutan dunia Barat pada satu ketika dahulu.

Para orientalis sudah mula bergiat aktif dalam bidang penulisan dan penyuntingan kitab-kitab sirah sejak pertengahan abad ke-19 M. Namun begitu, hanya pada pertengahan abad ke-20 M. baru timbul kesedaran di kalangan sarjana Muslim untuk meneliti dan mengkaji semula apa yang telah ditulis dan diperkatakan oleh para orientalis mengenai Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam*. Orang yang memulakan usaha ini secara serius ialah Muhammad Husain Haykal menerusi karyanya yang berjudul *Hayat Muhammad*. Karya ini mula diterbitkan pada tahun 1935. Setelah itu diulang cetak dan disunting beberapa kali. Edisinya yang ke-8 telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Allahyarham Ismail Faruqi pada tahun 1976 di bawah tajuk *The Life of Muhammad s.a.w.* Ia juga diterjemahkan ke bahasa Indonesia berjudul *Sejarah Hidup Muhammad* (tanpa nama penterjemah, nama penerbit dan tahun terbitan). Menurut Muhammad Husain Haykal, kebanyakan hasil karya orientalis berorientasikan "sekularisme" yakni memisahkan antara urusan agama dan dunia atau rohani dan jasmani; dalam pada itu ramai juga yang menitikberatkan kepada aspek *spiritual* (lihat misalnya, penulisan Clark Archer dalam bukunya *Mystical Elements in Mohammed*, Yale University Press, New Haven, 1924). Namun begitu beliau tidak terlepas daripada aliran sekularisme yang memisahkan aspek spiritual dari aspek material.

Mereka yang paling menonjol di kalangan orientalis ialah Caetani, dengan bukunya *Annali dell` Islam* (Milan 1905), Theodor Noldeke dengan bukunya *Das Leben Muhammeds Heidenthums*, (Berlin 1897), Ignaz Golziher dengan karyanya *Mohammadannische Studien* (Muslim Studies) (Halle 1889), H. Lammens dengan *L`Arabie Ocucidentale vanat l`Hegire* (Beirut 1928), D.S. Margoliouth dengan *Mohammed and the Rise of Islam* (New York 1905). Selain itu ialah F.Wustanfeld, Becker, Guillaume, H.A.R. Gibb, J.B. Clubb dan seterusnya Dermengham, Dibble, Gulick, J.C. Archer, Martin Lings, Kenneth Cragg dan ramai lagi, masing-masing

mempunyai karya mengenai riwayat hidup Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam*.

Ke Arah Pemurnian Sirah

Karya Muhammad Husain Haykal mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Selain memaparkan ayat-ayat Qur`an, ia turut memetik data-data sejarah yang diambil secara langsung dari kitab-kitab sirah seperti *Sirah Ibn Hisyam*, *Tarikh al-Tabari* dan yang seumpamanya yang dianggap sumber yang *mu`tabar* mengenai sirah Rasulullah *sallallahu `alaihi wasallam*. Susunan data dan peristiwa dikemukakan mengikut urutan **kronologi** seperti yang dilakukan oleh Ibn Hisyam dan juga al-Tabari. Dalam pada itu, beliau membuat komen dan ulasan serta teguran terhadap beberapa kesilapan tafsiran yang dibuat oleh orientalis Barat mengenai beberapa peristiwa penting yang berlaku pada zaman Rasulullah *sallallahu `alaihi wasallam* dengan mengemukakan hujah-hujah yang kukuh. Cara beliau mengemukakan hujah dan perbincangan amatlah menarik dan meyakinkan. Sikap beliau yang tegas, berani dan terbuka serta usahanya yang gigih untuk mendapatkan jawapan-jawapan kepada masalah-masalah yang ditimbulkan oleh orientalis perlu diberi pujian. Beliau juga turut mengkritik ahli-ahli sejarah Islam awal, termasuk Ibn Hisyam sendiri yang dikatakan tidak memuatkan cerita-cerita sejarah yang mengandungi unsur-unsur mukjizat., termasuklah peristiwa yang berlaku sewaktu Nabi dan sahabatnya Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.`a. di Gua Thur. Cerita ini yang sebenarnya diambil dari kitab-kitab Hadith dan bukan dari Qur`an. Di dalam Qur`an tidak dinyatakan tentang sarang labah-labah, burung merpati bertelur dan lain-lain yang terdapat di permukaan pintu Gua Thur sewaktu Nabi bersembunyi di situ dari kesian oleh kaum musyrikin Quraisy. Apa yang disebutkan di dalam Qur`an ialah para malaikat yang bertindak sebagai tentera-tentera Allah yang melindungi penglihatan musuh (musyrikin Quraisy) terhadap Nabi dan sahabatnya, Sayidina Abu Bakar al-Siddiq sewaktu berada di gua tersebut. (*al-Qur`an*, surah al-Taubah 9:40).

Boleh jadi Ibn Hisyam tidak memaparkan peristiwa itu kerana beliau menganggapnya sebagai suatu tafsiran yang tidak memberikan erti yang besar kepada ayat Qur`an yang sudah jelas maksudnya. Peristiwa-peristiwa lain yang juga mengandungi unsur-unsur mukjizat seperti peristiwa pembedahan dada (perut) Nabi sewaktu kanak-kanak oleh malaikat Jibril dan peristiwa sewaktu Baginda keluar dari rumahnya untuk berhijrah ke Yathrib yang tercatat dalam Qur`an dan Hadith kesemuanya dipaparkan oleh Ibn Hisyam. Inilah di antara keistimewaan yang terdapat pada Ibn Hisyam ketika mengumpul dan mengolah fakta; beliau sengaja tidak memasukkan bahan-bahan yang dianggap kurang penting atau kurang sesuai bagi mengelakkan kekeliruan dan kontroversi.

Berbeza dengan al-Tabari yang telah memasukkan segala bahan yang ditemuinya daripada pelbagai riwayat bagi memudahkan para pembaca memilih dan menilai bahan-bahan yang dianggap bermutu dan yang kurang atau tidak bermutu. Bagi pembaca yang kurang memahami persejarahan (historiografi) dan kaedah persejarahan yang digunakan oleh al-Tabari itu akan bertindak mengambil kesemuanya tanpa membuat penilaian terlebih dahulu sepertimana yang dikehendaki oleh al-Tabari; dan ramai juga yang menganggap al-Tabari sebagai pengumpul dan penyusun sejarah dan bukan ahli sejarah kerana banyak pendapat yang dikemukakan oleh beliau agak janggal dan tidak puular. Akan tetapi bagi mereka yang arif tentang persejarahan Islam menganggap al-Tabari sebagai seorang sejarawan yang adil dan saksama kerana beliau telah membuka peluang yang luas kepada pembaca memilih data-data sejarah secara bebas dan terbuka.

Begitu juga halnya dengan Hadith, terdapat banyak Hadith rekaan dan palsu. Oleh itu lahirlah ilmu *Mustalah Hadith*. Menerusi ilmu ini pembaca dan pengkaji Hadith dapat membezakan antara Hadith sahih dengan Hadith *maudu`*. Tugas ulama` Hadith pula ialah mengkaji dan menapis Hadith-hadith yang ditemuinya. Dari hasil usaha merekalah maka lahirnya **Enam Buku Hadith** (*al-Sunnan al-Sittah*) dan yang terbaik ialah *Sahih* Bukhari dan *Sahih* Muslim. Namun begitu, masih banyak lagi Hadith yang dicurigakan.

Dalam konteks ini *Sirah* Ibn Hisyam bolehlah dianggap sebagai kitab sirah yang terbaik kerana Ibn Hisyam sendiri sudah menilai dan meneliti segala fakta dan catatan Ibn Ishaq (orang yang paling berwibawa mengenai sirah Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam*) berdasarkan Qur`an dan Hadith.

Pengaruh Politik Dalam Penulisan Sirah:

Kemunculan pelbagai aliran pemikiran akibat pergolakan politik pada zaman Khalifah `Ali bin Abi Talib telah menyebabkan ramai sarjana Muslim terpengaruh dengan pelbagai aliran yang lahir pada zaman tersebut, antaranya ialah aliran mistik (tasawuf). Aliran ini sangat popular khususnya di kalangan kaum Syi`ah. Justeru, banyak kitab agama termasuk kitab-kitab Hadith dan buku-buku sejarah Islam bercampur-baur dengan pemikiran mistik. Buku-buku ini kemudiannya menjadi bahan bacaan dan tatapan pengkaji-pengkaji sejarah Islam zaman moden. Justeru, terdapat di kalangan orientalis yang cuba mengaitkan aspek mistik dengan kehidupan Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam* antaranya ialah John Clark Archer. Beliau berpendapat bahawa Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam* telah menjalani kehidupan mistik di sepanjang hayatnya, dengan katanya:

"We do find him (Muhammad sallallahu `alaihi wasallam) not only mystical experienced, but also mystical method, deliberately and habitually practiced. The Moslems themselves soon after the founding of Islam became more interested in politics than in the life history of their Prophet."

(J.C. Archer, *Mystical Elements in Mohammad*, Yale University Press, New Haven, 1924, hlm. 9-11)

Dengan kata lain, beliau cuba mengatakan bahawa Rasulullah *sallallahu `alaihi wasallam* telah mengamalkan kaedah dan pengalaman mistiknya bagi melaksanakan program Islam. Tetapi hal ini tidak diikuti oleh umat Islam selepasnya, malah mereka lebih mementingkan aspek politik dan pentadbiran negara. Muhammad Husain Haykal juga tidak terlepas daripada pengaruh aliran mistik ketika menulis dan mengolah fakta sejarah Nabi Muhammad *sallallahu*

'alaihi wasallam. Akan tetapi perkara ini dipersembahkan dengan cara yang lebih bijaksana sesuai dengan kehendak Islam.

Seorang lagi sarjana Muslim iaitu Abdul Hameed Siddiqui yang cuba menggunakan pendekatan yang serupa dengan memberikan penekanan kepada aspek *spiritual* dalam kehidupan Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* dengan berkata bahawa:

"Muhammad`s mission is spiritual first and spiritual last, his programmes, which to a superficial observer, appear to be "temporal" were fully inspired by spiritual motives."

(Abdul Hamieed Siddiqui, *The Life of Muhammad*, Dar El-Fath, Beirut 1968, hlm. 169)

Daripada petikan itu tadi jelas menunjukkan bahawa beliau cuba memisahkan antara aspek spiritual dan fizikal dalam kehidupan seorang Muslim, termasuklah Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam*. Di samping itu beliau cuba mengatakan bahawa mesej yang disampaikan oleh Nabi adalah bertitiktolak dari spiritual dan berakhir dengan spiritual. Dengan kata-kata lain, agama Islam ditafsirkan sebagai agama spiritual atau kerohanian. Ini juga boleh ditafsirkan bahawa kehidupan kerohanian adalah menggambarkan kehidupan orang Islam yang sejati. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah "spiritual" dalam konteks ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi adalah kurang tepat dan sangat mengelirukan kerana pendekatan spiritual lebih ke arah agama Kristian. Sementara agama Yahudi lebih kepada aspek kebendaan. Tetapi Islam merangkumi kedua-dua aspek, rohani dan jasmani. Oleh itu adalah lebih tepat jika dikaitkan dengan `aqidah dan bukan spiritual yang menjadi teras ajaran Islam yang dibawa Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam* kerana `aqidah adalah merupakan "paksi" segala aktiviti dan program Islam.

`` *Aqidah*'' mempunyai pengertian yang lebih luas daripada "*spiritual*" atau kerohanian dan mempunyai pertalian langsung dengan "*syari`ah*". Menurut

bekas Syeikh Universiti al-Azhar, Mahmud Syaltut, *'aqidah* boleh diibaratkan seperti pohon dan syari`ah sebagai cabangnya dan kedua-duanya tidak boleh dipisahkan. Andainya ia berpisah maka tempanglah Islam. Jika seseorang itu hanya beraqidah yakni beriman kepada Allah Yang Maha Esa, beriman kepada Malaikat, Rasul-rasul, hari Kiamat, syurga, neraka, qada` dan qadar tanpa menjalani hukun-hukum syari`ah yakni mengerjakan amal salih, termasuk amal ibadat, membuat kebajikan, menjalinkan perhubungan silaturahim sesama manusia dan berinteraksi dengan alam, maka ia tidak boleh dianggap seorang Muslim di sisi Allah Ta`ala (Mahmud Syaltut, *'Aqidah wa Syari`ah*, (edisi ke-2) Kaherah (tanpa tarikh), hlm. 22-24). Dengan kata-kata lain, *'aqidah* adalah bersifat teori yang semestinya disusuli dengan amali iaitu syari`ah. Dengan cara ini sahajalah manusia dapat menjalin hubungan dengan Allah, sesama manusia, dengan alam dan kehidupan. Ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam* adalah merangkumi seluruh aspek kehidupan, spiritual, fizikal, mental dan emosi. Berbeza dengan ajaran agama-agama lain seperti agama Yahudi (kepada kebendaan) dan agama Kristian (kepada spiritual). Bagi mengelakkan kekeliruan, maka perlulah ditegaskan sekali lagi bahawa ajaran yang dibawa Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam* adalah berbentuk "*syumul*", teori dan amali, iman dan amal, *aqidah* dan syari`ah dan wujud dalam satu kesatuan yang tidak ada garis pemisah. Kombinasi antara kedua-dua unsur ini dapat dilihat dengan jelas menerusi wahyu pertama dalam surah `Alaq bermula dengan perkataan "*Iqra`*" (bacalah) disusuli dengan perkataan "*bi ismi rabbika alladhi khalaq*" (dengan nama Tuhanmu yang menjadikan). Ayat pertama ini memberi isyarat bahawa setiap perbuatan dan tingkah laku manusia Islam termasuk aspek pendidikan, pengajaran dan pembelajaran semestinya bermatlamatkan keredaan Allah Ta`ala.

Wahyu yang diturunkan di Makkah kebanyakannya menyentuh persoalan *'aqidah*. Ini tidak bermakna bahawa aspek syari`ah yang berhubungkait dengan kehidupan di dunia diabaikan. Sebahagiannya sudah pun ditunjukkan dalam ayat itu tadi sewaktu Nabi berada di Makkah. Setelah berhijrah ke Yathrib (Madinah) ruang lingkup bidang *syari`ah* menjadi semakin jelas dan nyata, setelah

turunnya ayat-ayat Qur`an yang berkaitan dengan hukum ahkam, bukan sahaja dalam bidang ibadat seperti solat dan puasa, tetapi juga bidang politik, ekonomi, pentadbiran dan ketenteraan. Namun begitu aspek `aqidah tetap kekal sebagai pohon kepada cabang-cabang syari`ah. Oleh itu peristiwa hijrah tidak boleh dianggap sebagai "titik pemisah" secara mutlak antara era Makkah dan Madinah kerana mesej yang disampaikan oleh Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam* bagi kedua-dua era tersebut adalah bersambung dalam *kesyumulan* Islam; yang berbeza hanyalah dari segi strategi dan kronologinya sahaja. Sebagai contoh, penentangan kaum Musyrikin Quraisy terhadap Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam* adalah sama sepertimana yang mereka lakukan sewaktu Baginda di Makkah, malah lebih dahsyat lagi kerana mereka sedar bahawa kedudukan Nabi dan orang Islam di Madinah menjadi semakin kukuh, bukan sahaja dari segi `aqidah atau moral tetapi juga dari segi politik, ekonomi, pentadbiran dan ketenteraan.

Kesimpulan:

Daripada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa mesej yang disampaikan oleh Baginda Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam* bukanlah terbatas pada aspek kerohanian atau `aqidah semata-mata tetapi merangkumi juga aspek syari`ah dan kehidupan duniawi dalam erti kata yang luas. Sejarah hidup Rasulullah *sallallahu `alaihi wasallam* sepertimana yang dipaparkan dalam Qur`an, Hadith dan kitab-kitab sejarah penuh dengan ujian dan cabaran serta sarat dengan iktibar dan pengajaran. Dengan sebab itu Baginda terpaksa bertungkus lumus, bekerja, berusaha serta mengorbankan tenaga, jiwa dan fikiran kerana tugas Baginda bukan semata-mata untuk menyampaikan ajaran agama tauhid tetapi juga memberikan kesejahteraan dan kemakmuran kepada penganut-penganutnya. Dengan kata-kata lain, Baginda bukan sahaja diutus oleh Allah Ta`ala sebagai Nabi dan Rasul tetapi juga sebagai seorang negarawan. Di sinilah letaknya keistimewaan Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam* berbanding para Nabi dan Rasul sebelumnya.

Usaha dan ikhtiar serta pengorbanan itulah yang dikatakan "jihad", yakni berjuang dengan seluruh tenaga dalam semua aspek (*all-round struggle*) di atas jalan Allah kerana menuntut keredaanNya. Seorang Muslim itu tidak boleh berpeluk tubuh atau hidup berkhayal dengan hal-hal kebatinan menunggu balasan syurga tanpa berusaha atau berjihad. Dalam konteks ini Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda, (terjemahan), "Setiap Nabi ada amalan *rahbaniyah*, tetapi *rahbaniyah* bagi umatku ialah jihad" (Ahmad bin Hambal, *Musnad*, Kaherah 1313 H. vi, hlm.226). Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam* menyuruh umatnya berjihad dan menolak amalan *rahbaniyah* (pertapaan) yang diamalkan oleh penganut-penganut agama Kristian, Buddha dan agama-agama lain. Ini diperkuatkan lagi dengan Hadith lain (terjemahan), "Tidak ada amalan pertapaan (*rahbaniyah*) di dalam Islam" (*Ibid*).

Ramai orang Islam tersalah anggap mengenai kehidupan Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* kerana sifat *zuhud*nya. *Zuhud* di sini bererti kesederhanaan hidup dari segi makan minum dan berpakaian (*al-Mu`jam al-Wasit*, disunting oleh Abdul Sallam Harun, Kaherah 1960, Jilid I, hlm. 405). Ia tidak bermaksud menahan lapar atau tidak menukar pakaian atau memisahkan diri daripada masyarakat kerana untuk beramal ibadat. Ada pihak yang beranggapan bahawa pemergian Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi* beribadat ke Gua Hira` sebelum turunnya wahyu sebagai amalan *zuhud* lalu mereka mencontohinya. Peristiwa Nabi beribadat di Gua Hira` setiap tahun pada bulan Ramadan memang benar dan tercatat dalam sejarah, tetapi ia dilakukan sebelum wahyu diturunkan. Apabila wahyu diturunkan maka Baginda diperintah untuk berdakwah dan berjihad bersama para sahabatnya dan seterusnya membentuk sebuah masyarakat Islam dan mendirikan masjid di kota Madinah sebagai pusat ibadat, dakwah dan aktiviti masyarakat serta pusat penyatuan umat Islam. Sejak itu Baginda tidak lagi beramal ibadat di kawasan terpencil seperti Gua Hira` atau Gua Thur kecuali dalam keadaan berselindung daripada ancaman musuh.

Peristiwa-Peristiwa Penting Dalam Sejarah Nabi Muhammad *Sallallahu `alaihi wasallam*:

Nama Baginda: Muhammad bin `Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hasyim bin Abd Manaf bin Qusay bin Kilab. Dari keturunan Bani Hasyim, Quraisy. Dilahirkan di kota Makkah pada Tahun Gajah 570M. Beristerikan Siti Khadijah ketika usianya 25 tahun. Bergiat aktif dalam bidang perniagaan di dalam dan luar kota Makkah. Berjaya menyelesaikan pertelingkahan antara kaum dalam peristiwa mengembalikan Hajar Aswad ke tempat asalnya di penjuru Ka`abah. Diutus menjadi Nabi dan Rasul ketika usianya 40 tahun. Mengarahkan perpindahan orang Islam ke Habsyah. Berdakwah ke Ta`if. Melakukan Isra` dan Mi`raj. Memeterai Perjanjian `Aqabah. berhijrah ke Yathrib (Madinah) pada tahun ke-13 Kerasulan (622M). Mendirikan Masjid Madinah. Menyatukan ummah. Mendirikan kerajaan Islam Madinah. Menggubal Piagam Madinah. Memeterai Perjanjian Hudaibiyah dengan kaum Musyrikin Quraisy. Mengetuai peperangan. Membuka Kota Makkah. Mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar. Wafat pada 12 Rabiulawal 11 H./8 Jun 632 M. Mempunyai 6 orang anak iaitu al-Qasim, `Abdullah, Zainab, Ruqaiyyah, Umm Kalthum dan Fatimah.